

22 JUL 2003

Najib-Amerika

M'SIA TIDAK DISKRIMINASI SYARIKAT SENJATA AMERIKA

PETALING JAYA, 22 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak mengamalkan dasar diskriminasi terhadap pelobi senjata dari Amerika Syarikat walaupun Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dilihat lebih cenderung mendapatkan sistem pertahanannya dari negara-negara bekas blok komunis.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perubahan itu tidak ada kaitan dengan dasar politik Malaysia yang membidas Amerika kerana pandangan serong dan pendirian "keras" negara itu terhadap orang Islam selepas peristiwa 11 Sept 2001.

"Dasar pembelian kita bersifat global dan bukan pada ideologi. Kita boleh beli dari mana-mana negara yang kalau ikut penilaian kita adalah sesuai untuk kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan seminar keenam "The Tun Razak Lecture" di sini, hari ini.

Najib ditanya demikian oleh wartawan berikutan kebimbangan syarikat-syarikat senjata Amerika bahawa pasaran senjata mereka mungkin terjejas akibat sikap prejudis media dan kongres Amerika terhadap Islam.

Sikap prejudis itu jelas apabila Amerika menggerakkan dasar sekatannya terhadap penjualan peralatan perang kepada Pakistan apabila negara itu menjalankan ujian bom nuklear, serta sekatan bantuan latihan dan alat ganti tentera untuk Indonesia yang dituduh mencabuli hak asasi manusia.

Najib juga berkata insiden 11 Sept tidak menyebabkan berlakunya perubahan dalam bidang kerjasama ketenteraan antara negara itu dan Malaysia tetapi mungkin menjejaskan sedikit kerjasama dalam bidang pendidikan disebabkan dasar Amerika yang tegas terhadap penuntut Islam dari negara-negara lain selepas peristiwa itu.

Katanya, Malaysia mempunyai dasar yang terbuka dan tidak terikat kepada mana-mana negara, malah ATM dilihat mempunyai inventori senjata daripada pelbagai negara seperti Russia, United Kingdom, Amerika dan sebagainya.

Kata-kata Najib itu dapat dilihat daripada pesawat keluaran pelbagai negara yang digunakan oleh ATM seperti MiG-29 (Russia), Hawk (UK), F-18 dan C-130 (Amerika), CN-235 (Indonesia), Super Puma (Perancis) dan MB 339 (Itali).

Amerika pernah menjadi pembekal senjata nombor satu kepada Malaysia pada era 70-an dan 80-an melalui penjualan refal M-16, jet F-5E, A4 Skyhawk dan helikopter Nuri sehinggalah Rusia memecahkan monopoli Amerika di rantau ini dengan penjualan MiG-29 kepada Malaysia pada 90-an.

"Jadi dasar pembelian senjata Malaysia tidak tertakluk kepada apa-apa tekanan dari mana-mana pihak sebab kita adalah negara yang bebas dan boleh buat apa-apa keputusan yang kita fikir memenuhi kepentingan negara," katanya lagi.

Najib juga ditanya mengenai jenis persenjataan keluaran Ukraine yang mungkin menarik minat Malaysia selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat negara itu awal bulan ini.

"Adalah terlalu awal untuk saya nyatakan apa jenis peralatan yang kita akan beli dari Ukraine. Apa yang telah diperlihatkan kepada kami semasa demonstrasinya adalah secara sekali imbas," katanya.

Dalam pembelian sistem persenjataan yang canggih terutama yang melibatkan komponen elektronik, penilaian yang lebih terperinci dan teliti perlu dilakukan, katanya lagi.

"Pasal itu kita kena hantar pasukan teknikal susulan ke Ukraine untuk buat kajian sebelum sebarang keputusan dibuat," katanya.

Mahathir semasa lawatannya ke Ukraine ada menyatakan kemungkinan

Malaysia akan membeli senjata dari negara itu terutama untuk pertahanan udara.

Ukraine sangat maju daripada segi teknologi aero-angkasa dan pertahanannya dan Dr Mahathir ada membayangkan kerjasama mungkin akan dicapai dalam bidang pertahanan dengan Malaysia sekarang ini memberi tumpuan kepada Teknologi Maklumat.

Seminar dua hari itu melibatkan seramai 120 ahli akademik Malaysia dan Amerika Syarikat serta pembentangan kertas kerja oleh tokoh-tokoh Amerika dan tempatan mengenai peluang pembelajaran pada masa kini.

-- BERNAMA

SLR KHY PR